

# Maklumat Media

Untuk Terbitan Segera

## MULAKAN PENGEMBARAAN LUAR BIASA ANDA DENGAN CRF250L DAN CRF250 RALLY 2017 SERBA BAHARU

**PULAU PINANG, 28 Ogos 2017** – Boon Siew Honda Sdn Bhd (BSH) dengan rasa bangga mengumumkan model CRF250L dan CRF250 Rally 2017 serba baharu untuk memenuhi kehendak penggemar motosikal pengembaraan ringan yang menginginkan keseronokan tunggangan di atas jalan raya dan *off-road* bagi kembara hujung minggu, keselesaan untuk dibawa melancong dan berfungsi praktikal untuk kegunaan harian.

### CRF250L



Model Honda CRF250L, yang dilancarkan pada tahun 2012 di pasaran seluruh dunia termasuk Malaysia, menemui populariti dalam kalangan penunggang berpengalaman – yang sering menyimpan ia sebagai motosikal kedua – pada masa yang sama, turut menarik demografik lebih muda kepada Honda, kebanyakan daripada mereka menggunakannya sebagai alternatif yang lebih bergaya berbanding sebuah skuter.

Bagi setiap pemilik, ia menawarkan peluang untuk keluar dari jalan berturap dan terus ke laluan tanah. Dengan penggayaan yang diambil secara terus daripada jentera CRF250R, model CRF250L bersedia untuk mendepani segala dilontarkan penunggang terhadapnya: ia teguh, praktikal dan sesuai sama ada di dalam bandar mahupun *denai*.

CRF250L adalah jentera kecil yang benar-benar serba boleh dan dibina agar bentuk dan fungsi terjalin sempurna. Kelebarannya yang kecil tidak hanya membantu ketika berada di jalan raya, tetapi juga ketika *off-road*, di mana antara muka tempat duduk/tangki membenarkan penunggang beralih berat mereka dengan mudah.

Model yang dikuasai oleh enjin DOHC silinder tunggal penyejuk cecair 249cc itu mempunyai daya kilas pada kelajuan enjin rendah dan kuasa RPM tinggi, dengan penyampaian linear dan juga mematuhi standard EURO4. Kuasa maksimum 18.2kW disampaikan pada 8,500rpm

dengan tork puncak 22.6Nm tiba pada 6,750rpm daripada PGM-FI dirombak dan badan pendikit termasuk kotak udara, tiub penyambung dan ekzos ringan serba baharu.

Aci pengimbang utama meningkatkan keupayaan pengurangan getaran dan kotak gear enam kelajuan serta klac dihasilkan untuk menahan tekanan tambahan ketika menunggang secara *off-road*. Radiator lepasan haba 10.7kW memaparkan kipas pendingin *guide-ring* nipis untuk mengekalkan suhu sekata pada kelajuan rendah. Tangki minyak 7.8L (termasuk simpanan 1.8L) menyediakan julat perjalanan yang mendahului kelas: dengan penggunaan bahan api pada kadar 33.3km/l (mod WMTC), jarak perjalanan yang melebihi 250km adalah tidak mustahil.

Rangka CRF250L dibina daripada keluli dengan spar bahagian bujur berkembar dan endul separa berganda. Namun demikian, badan baharu motosikal itu memaparkan pengaruhnya daripada minimalisme yang ada pada CRF450R MX untuk penampilan yang lebih kemas dan tirus. Pemuka digital dengan sebuah takometer dan tolok bahan api serta dwi-sistem (2 *channel*) ABS sebagai standard, dengan pilihan untuk menutupkan ABS brek belakang.

CRF250L menampilkan warna perlumbaan Honda, *Merah Menyala* Honda sebagai asas dengan serlahan hitam dan putih yang diinspirasi daripada mesin-mesin HRC.

### **CRF250 RALLY**



Model CRF250 Rally dengan moto “Weekend Adventure (*Pengembara Hujung Minggu*)” merupakan motosikal dwitujuan 250cc patuh standard EURO4 yang membuka peluang dunia kenderaan dua roda yang baharu, tanpa mengira tahap pengalaman penunggang. Ia bukan sahaja kelihatan bersedia untuk bersaing di padang pasir tetapi juga menyediakan pengalaman pengembaraan sebenar kepada penunggang yang menggemari sebuah mesin ringan dan mudah dijaga.

CRF250 RALLY menggunakan CRF250L sebagai asasnya dengan pelbagai perubahan yang menjadikannya satu tawaran unik di pasaran. Inspirasi penampilannya datang daripada jentera perlumbaan CRF450 RALLY. Di bahagian depan, paparan, *fairing* dan penutup radiator menyediakan perlindungan terhadap angin, dengan bahagian lain pada jentera berkenaan memaparkan gaya MX yang minimum. Lampu depan model berkenaan bersaiz kompak dengan dwi-LED asimetrik sementara lampu belakang, lampu isyarat LED dan braket nombor plat yang tidak menonjol.

Prestasi enjin DOHC lejang tunggal penyejukan cecair 250cc CRF250 RALLY tertumpu pada daya kilas pada kelajuan enjin rendah dan kuasa rpm tinggi termasuk penyampaian linear. Kuasa maksimum 18.2kW disampaikan pada 8,500rpm dengan tork puncak 22.6Nm pada 6,750rpm.

Kerangka model tersebut dibina daripada keluli, dengan spar utama bahagian bujur berkembar dan endul separa berkembar. Tangki minyak yang besar iaitu 10.1L (termasuk simpanan 1.6L) membenarkan perjalanan jauh sehingga lebih 320km, disumbangkan oleh penggunaan minyak pada kadar 33.3km/l (mod WMTC), manakala pemuka digital turut merangkumi tolok minyak dan takometer. Jarak roda 1,455mm dipadankan dengan *rake* 28.1° dan kelegaian tanah sebanyak 270mm (lebih 15mm berbanding CRF250L). Manakala berat ialah 157kg.

Suspensi perjalanan jauh dan kelegaian tanah tinggi mempertingkatkan keupayaan jarak jauh dan cakera depan yang lebih besar – termasuk ABS yang boleh ditutup untuk brek belakang – menyediakan kuasa hentian. Enjin yang mematuhi piawaian EURO4 menampilkan tork kelajuan enjin rendah bersama kuasa terbaik ekoran perubahan yang dibuat berbanding model CRF250L yang asal. Ia termasuk PGM-FI dan badan pendikit, tiub penyambung kotak udara baharu dan ekzos ringan.

CRF250 RALLY didatangkan dengan perapian warna perlumbaan *Merah Menyala* Honda sebagai asas dengan serlahan hitam dan putih yang diilhamkan oleh mesin-mesin kilang HRC.

Dibina berdasarkan peningkatan selera terhadap pengembaraan, BSH memutuskan untuk membawakan CRF250 RALLY yang *funky* dan direka sebagai sebuah motosikal pengembaraan berkapasiti kecil ke pasaran Malaysia. RALLY merupakan tambahan sempurna rangkaian Honda yang sepadan dengan pasaran khusus, seterusnya menyediakan sebuah motosikal pengembaraan ringan yang sesuai ketika di atas jalan dan *off-road*.

Model-model baharu CRF250L dan CRF250 Rally akan berada di pengedar Honda dari 28 Ogos 2017 dan masing-masing ditawarkan pada harga **RM 24,378.94** dan **RM 28,618.94**. Harga tersebut termasuk GST tetapi tidak termasuk cukai jalan, insurans dan pendaftaran. Model-model tersebut juga didatangkan dengan jaminan pengilang selama dua tahun atau jarak 20,000km (yang mana terdahulu).

Untuk maklumat lanjut berkenaan CRF250 Rally dan CRF250L 2017, sila rujuk halaman Facebook kami: [www.facebook.com/HondaMotorcyclesMalaysiaBoonSiewHonda](http://www.facebook.com/HondaMotorcyclesMalaysiaBoonSiewHonda) atau hubungi talian Bebas Tol 1800-88-3993 (Isnin hingga Jumaat, dari pukul 8 pagi hingga 5 petang, kecuali pada Cuti Umum)

-TAMAT-

#### Technical Specifications of 2017 CRF250L

Model	CRF250L
Engine Type / Jenis Enjin	250cc Liquid-Cooled Single DOHC/ 250cc Penyejuk Cecair, DOHC
Bore X Stroke(mm) / Gerek & Lejang	76.0mm x 55.0mm

Frame/ Rangka	Steel Twin Tube (Tiub Dwi Besi)
Compression Ratio / Nisbah Mampatan	10.7:1
Max.Power / Kuasa Kuda Maksimum	<a href="#">18.2kW@8500rpm</a>
Max.Torque / Tork Maksimum	<a href="#">22.6Nm@6750rpm</a>
Clutch Type / Jenis Klac	Wet Multiplate Hydraulic / Multi Plat Basah Hydraulic
Transmission / Transmisi	6 Speed Manual / 6 Kelajuan
Dimensions / Dimensi (LxWxH) (mm)	2195 x 815 x 1195mm
Wheelbase / Asas Roda (mm)	1,445
Curb Weight / Berat Keseluruhan (kg)	146kg
Fuel Tank Capacity / Muatan Tangki Petrol(ℓ)	7.8Liter
Suspension Type / Jenis Suspensi	Front Axle: 43mm Telescopic / Teleskopik
	Rear: Pro-link / Prolink
Tyres Size / Saiz Tayar	Front: 3.00-21 51P
	Rear: 120/80-18M/C 62P

### Technical Specifications of 2017 CRF250 Rally

Model	CRF250 Rally
Engine Type / Jenis Enjin	250cc Liquid-Cooled Single DOHC/ 250cc Penyejuk Cecair, DOHC
Bore X Stroke(mm) / Gerek & Lejang	76.0mm x 55.0mm
Frame/ Rangka	Steel Twin Tube (Tiub Dwi Besi)
Compression Ratio / Nisbah Mampatan	10.7:1
Max.Power / Kuasa Kuda Maksimum	18.2kW@8500rpm
Max.Torque / Tork Maksimum	22.6Nm@6750rpm
Clutch Type / Jenis Klac	Wet Multiplate Hydraulic / Multi Plat Basah Hydraulic
Transmission / Transmisi	6 Speed Manual / 6 Kelajuan
Dimensions / Dimensi (LxWxH) (mm)	2210 x 900 x 1425mm
Wheelbase / Asas Roda (mm)	1,445
Curb Weight / Berat Keseluruhan (kg)	157kg
Fuel Tank Capacity / Muatan Tangki Petrol(ℓ)	10.1Liter
Suspension Type / Jenis Suspensi	Front Axle: 43mm Telescopic / Teleskopik

Suspension type / Jenis Suspensi	Rear: Pro-link / <i>Prolink</i>
Tyres Size / Saiz Tayar	Front: 3.00-21 51P
	Rear: 120/80-18M/C 62P

### **Mengenai Boon Siew Honda Sdn. Bhd.**

Boon Siew Honda Sdn. Bhd., sebuah syarikat usaha sama antara Honda Motor Co., Ltd. dan Oriental Holdings Bhd., memulakan operasi pada September 2008 dengan matlamat untuk menggabungkan pengeluaran dan jualan motosikal di Malaysia serta mencapai kecekapan dan kepuasan pelanggan yang lebih tinggi. Sebelum kewujudan syarikat baharu berkenaan, Boon Siew Sdn. Bhd. bertanggungjawab dalam penghasilan dan perniagaan pukal produk motosikal Honda di Malaysia. Sementara menjangkakan usaha sama dengan syarikat-syarikat Honda lain di seluruh dunia, Boon Siew Honda Sdn. Bhd. akan mengukuhkan daya saingnya dan berusaha untuk menyediakan produk serta perkhidmatan yang melangkaui jangkaan pelanggan.

Untuk pertanyaan media:

#### **Rantau PR**

Ryan Lee

012-3226301

[ryan@rantaupr.com.my](mailto:ryan@rantaupr.com.my)

#### **Boon Siew Honda**

William Chen

012-4992494

[wchen@bswhonda.com.my](mailto:wchen@bswhonda.com.my)

Tan Mei Pheng

012-4870677

[mptan@bswhonda.com.my](mailto:mptan@bswhonda.com.my)